

## **SESI SERAHAN DOKUMEN PEMBIAYAAN PTPTN BAGI PELAJAR DIPLOMA & IJAZAH SIDANG AKADEMIK 2011/2012.**

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Buat julung - julung kalinya pada tahun ini akibat daripada perubahan Sistem Akademik, Unit Pinjaman dan Kebajikan, HEPA dengan kerjasama Exco Kebajikan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP telahpun berjaya menguruskan empat sesi serahan dokumen pembiayaan PTPTN melibatkan seramai kira-kira 300 orang pelajar Diploma dan 1900 pelajar Ijazah Pertama, Sidang Akademik 2011/2012. Sesi yang kebiasaannya hanya diada sebanyak dua kali setahun sahaja telah dihadiri oleh wakil daripada pihak PTPTN sendiri ini telahpun berlangsung mengikut jadual di Dewan Tertutup Kampung Wai, Kuala Perlis iaitu bagi pelajar Diploma pada 27 Jun 2011 melibatkan kira-kira 200 orang pelajar dan pada 25 Julai 2011 melibatkan seramai kira-kira 100 orang pelajar yang telah diluluskan pembiayaan PTPTN.

Sesi Serahan Dokumen bagi pelajar Ijazah pula telahpun diadakan pada 20-21 September 2011 dan 1-2 November 2011 bertempat di Dewan Terbuka, Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu. Kangar, Perlis. Setiap sesi yang diadakan ini melibatkan kehadiran kira-kira 1000 orang pelajar yang mana waktu serahan dokumen ini telah dilanjutkan sehingga pukul 8.00 malam bagi membolehkan kesemua pelajar menghantar dokumen pembiayaan yang berkaitan. Kejayaan Unit Pinjaman dan Kebajikan menyelaraskan aktiviti serahan dokumen ini telah memastikan semua pelajar yang tidak bermasalah menerima pembiayaan PTPTN dalam tempoh 2 minggu selepas serahan dokumen ini di buat. Unit Pinjaman menyeru kepada semua pelajar yang mempunyai masalah berkaitan pembiayaan/ pinjaman masing-masing untuk tampil bagi membolehkan pihak kami membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.